

## **KESAN KADAR HADDUL KIFAYAH BAHARU DALAM ZAKAT PENDAPATAN DI NEGERI KEDAH: SATU PENGENALAN**

*The Effects of New Haddul Kifayah on Income Zakat in Kedah State: An  
Introduction*

**Dr. Mohd Adib Abd Muin<sup>1\*</sup>**  
**Dr. Mohd Sollehudin Shuib<sup>2</sup>**  
**Dr. Azizah Che Omar<sup>3</sup>**  
**Dr. Amirul Hageem Abd Ghani<sup>4</sup>**  
**Dr. Ruhaida Saidon<sup>5</sup>**  
**Dr. Herman Shah Anuar<sup>6</sup>**

<sup>1,2,3,4,5,6</sup> Pensyarah Kanan, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah.

\*Corresponding author (Email: [mohdadib@uum.edu.my](mailto:mohdadib@uum.edu.my))

Diterima: 21 August 2019, Diproses: 4 September 2019, Diterbitkan: 18 September 2019

---

**Abstrak:** *Kajian ini bertujuan untuk melihat kesan kadar haddul kifayah baharu dalam zakat pendapatan di negeri Kedah. Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) bertanggungjawab dalam menentukan haddul kifayah zakat terutamanya zakat pendapatan di negeri Kedah. Kadar haddul kifayah adalah satu ukuran kecukupan individu untuk menanggung perbelanjaan bagi keperluan asas diri dan ahli di bawah tanggungannya bagi menjalani kehidupan secara normal. Kaedah haddul kifayah dalam zakat pendapatan yang digunakan ketika ini adalah berdasarkan taksiran cukai pendapatan dari Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Memandangkan tahap ekonomi ketika ini begitu tinggi dengan pelbagai kos dan harga yang meningkat maka kajian terhadap kesan haddul kifayah baharu dalam zakat pendapatan perlu dilakukan agar satu penelitian semula ini mampu menarik lebih ramai lagi pembayar zakat. Justeru, objektif kajian ini adalah melihat kesan kaddar haddul kifayah baharu dalam zakat pendapatan di negeri Kedah. Kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan dan analisis kandungan kajian-kajian lepas serta merujuk kepada al-Qur'an dan hadis. Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa terdapat beberapa kesan yang berlaku apabila kaddar haddul kifayah baharu ini dilaksanakan. Oleh itu, perbincangan secara ilmiah akan dibincangkan dalam kertas kerja ini.*

**Kata Kunci:** Kesan, Haddul Kifayah, Zakat Pendapatan, Negeri Kedah.

**Abstract:** *This study focuses on the effect of the new rate of haddul kifayah on income zakat in the state of Kedah. The State Islamic Religious Council (MAIN) and Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) are responsible to determine the limits of haddul kifayah zakat especially on the income zakat for Kedah state. The rate of haddul kifayah is a measure of the adequacy of the individual to incur expenses for the basic needs of the person and the member under his dependence for basic life. The haddul kifayah method in income zakat is currently based on the estimated income tax from the Inland Revenue Board (IRB) and the Poverty Line Income*

*(PGK) issued by the Department of Statistics, Malaysia. Since the current economic level is so high with various costs and prices rising, the study of the effect of new haddul kifayah in zakat income needs to be done so that this re-examination can attract more paying zakat payers. Hence, the objective of this study is to examine the impact of new haddul kifayah on income zakat in Kedah. The methods for this study are library method and the analysis of the contents of the previous studies and refers to the Qur'an and Hadith. The findings of this study show that there are some implications that occur when the new haddul kifayah is implemented. Therefore, scientific discussions will be discussed in this paper.*

**Keywords:** Effect, Haddul Kifayah, Income Zakat, Kedah State.

## PENGENALAN

Zakat merupakan salah satu rukun Islam yang wajib ditunaikan oleh setiap individu Muslim. Kewajipan menunaikan zakat ini telah bermula sejak tahun kedua hijrah. Antara firman Allah SWT yang dirakamkan dalam al-Qur'an bermaksud:

*“Hai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah (di jalan Allah SWT) sebahagian dari hasil usahamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kalian”*

(Terjemahan surah al-Baqarah: 267)

Dalam ayat yang lain, Allah SWT telah berfirman dalam al-Qur'an bahawa menunaikan zakat itu adalah merupakan sebahagian dari ciri-ciri orang beriman. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan orang-orang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebajikan dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah SWT dan Rasulnya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah SWT; Sesungguhnya Allah SWT Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana”*

(Terjemahan surah al-Taubah: 71)

Zakat dari sudut bahasa adalah bersih, subur, tumbuh, berkembang atau bertambah. Manakala dari sudut syarak pula ialah mengeluarkan sebahagian harta tertentu, pada kadar tertentu, kepada golongan tertentu apabila cukup syarat-syaratnya. Syarat wajib zakat adalah beragama Islam, merdeka, sempurna milik (pemilik harta berkuasa sepenuhnya untuk membelanjakan harta tersebut), cukup nisab (paras minima untuk menentukan samada harta diwajibkan zakat atau tidak) dan cukup haul (cukup setahun hijrah (354 hari) harta dimiliki).

Kaedah penetapan haddul kifayah zakat yang diamalkan oleh institusi zakat sehingga kini kebanyakannya menggunakan kaedah yang digunakan dalam pentaksiran cukai pendapatan yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) (Azman Ab Rahman et. al., 2017). Item-item haddul kifayah zakat baharu dalam zakat pendapatan perlu dilihat semula berdasarkan keadaan semasa agar ia bersesuaian dengan mengambil kira faktor ekonomi dan sosial masyarakat kini.

Berdasarkan statistik yang ditunjukkan dalam laporan tahunan LZNK (**Jadual 2**), data menunjukkan bahawa kutipan zakat pendapatan secara tahunan di negeri Kedah meningkat saban tahun. Menurut Fidlizan Muhammad et. al., (2017) perkhidmatan kalkulator zakat atas talian merupakan instrumen penting yang digunakan dalam menyokong kejayaan perkhidmatan zakat tanpa melalui kaunter Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau pusat zakat. Malah melalui aplikasi di atas talian tersebut, pembayar zakat dapat mengetahui jumlah bayaran zakat yang perlu dikeluarkan berdasarkan kaedah penaksiran zakat yang disediakan. Oleh yang demikian, kajian ini cuba meneliti kesan haddul kifayah baharu dalam zakat pendapatan di negeri Kedah melalui item-item yang bersesuaian agar kutipan zakat meningkat dan berkembang bahkan penerima asnaf juga dapat menerima manfaat hasil dari kutipan zakat pendapatan tersebut.

### **HADDUL KIFAYAH**

Haddul kifayah adalah suatu kadar keperluan asas minimum yang ditetapkan berdasarkan kos sara hidup semasa (JAWHAR, 2009). Maksud kifayah adalah cukup atau mencukupi apa yang paling penting kepadanya, atau apa yang mencukupi untuk hidup (Ibn Manzur, 1992). Manakala dari sudut istilah haddul kifayah bermaksud perbelanjaan yang perlu bagi memastikan keperluan sara hidup dengan mengambil kira tahap purata kehidupan dalam masyarakat sama ada dari sudut kemakmuran dan kekayaan sesebuah masyarakat (al-Fanjari, 2010). Berdasarkan nas hadis yang dapat difahami tentang haddul kifayah yang menunjukkan perbandingan antara orang miskin dan orang kaya serta dapat menilai kadar kecukupan seseorang individu itu sehingga layak menerima dana zakat. Antaranya seperti yang dijelaskan dalam hadis Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

*“Bukanlah dinamakan seorang miskin jika dia meminta kepada manusia dan cukup baginya sesuap dan dua suap, sebiji tamar dan dua biji tamar, tetapi seorang yang miskin adalah tidak memiliki kekayaan yang mencukupkannya, tidak diketahui orang akan kemiskinannya, lantas diberikan sedekah kepadanya, dan dia tidak berdiri, meminta-minta manusia”*

(Hadis Riwayat al-Bukhari, Kitab al-Zakah, 2/125)

Imam al-Mawardi (t.t) dalam kitab *al-Ahkam al-Sultaniyyah* telah mengariskan kadar pemberian zakat yang dikira adalah berpandukan kepada kecukupan itu terbahagi kepada tiga bentuk iaitu:

- i. Bilangan individu yang menjadi tanggungannya daripada zuriat dan hamba.
- ii. Bilangan yang berkaitan dengannya daripada kuda (tunggangan) dan pekerja.
- iii. Tempat yang menentukan ketinggian atau rendahnya nilai atau harga (berbeza tempat atau negara maka berbeza nilai dan harga).

Bagi mereka yang mempunyai pendapatan yang melebihi kadar haddul kifayah maka mereka adalah tergolong dalam kalangan orang kaya yang berkemampuan dan wajib menunaikan zakat mengikut kelayakan yang telah ditetapkan oleh institusi zakat negeri. Berdasarkan garis panduan yang di keluarkan oleh JAWHAR 2009, komponen asas haddul kifayah yang diambil kira adalah seperti berikut:

- i. **Makanan** – Makanan dan minuman asasi yang diperlukan atau dimakan oleh seseorang individu dan tanggungan di bawahnya yang memenuhi keperluan asasi.
- ii. **Pakaian** – Pakaian yang diperlukan oleh seseorang individu dan tanggungan di bawahnya yang memenuhi keperluan asasi.
- iii. **Perlindungan** – Perlindungan untuk diri dan tanggungan di bawahnya merangkumi sewa rumah atau bayaran ansuran rumah, bil air, dan elektrik serta segala yang bersangkutan dengan keperluan asasi sebuah tempat tinggal berasaskan keperluan minimum.
- iv. **Perubatan** – Merujuk kepada segala bentuk perubatan, rawatan biasa, pembelian ubat biasa, pembelian alat-alat perubatan biasa, rawatan minor daripada mana-mana pusat perubatan dan rawatan alternative lain.
- v. **Pendidikan** – Merujuk kepada bentuk Pendidikan, perbelanjaan Pendidikan fardu ain, perbelanjaan berkaitan Pendidikan diri, ahli keluarga sama ada di peringkat pra sekolah, rendah, menengah, kolej dan universiti. Ia juga meliputi keperluan yang berkaitan Pendidikan tersebut seperti pembelian peralatan untuk pembelajaran.
- vi. **Pengangkutan** – Segala perbelanjaan yang berkaitan pengangkutan berbayar (tambang) oleh seseorang individu dan tanggungannya serta musafir yang diharuskan oleh syarak.

Menurut Azman Ab Rahman et. al., (2017) haddul kifayah bukan hanya melihat kepada jumlah pendapatan seseorang semata-mata akan tetapi ia melihat kepada keperluan yang sepatutnya dimiliki oleh seseorang individu atau sesebuah keluarga mengikut keperluan semasa dengan mengambil kira pelepasan zakat ke atas harta yang digunakan untuk keperluan sara diri dan orang-orang yang berada di bawah tanggungannya seperti isteri, anak-anak, ibu bapa dan adik beradik.

Penetapan hadul kifayah bagi pembayar zakat adalah merujuk kepada kaedah tolakan item-item perbelanjaan yang mana kesemua item tolakan tersebut turut sama digunakan sebagai item pelepasan dalam pengiraan cukai pendapatan. Pembayar cukai tertakhluk kepada beberapa jenis dan kadar pelepasan yang telah ditentukan seperti perbelanjaan untuk diri sendiri, pendidikan, perubatan, insurans, zakat dan sebagainya.

Secara umumnya, item-item haddul kifayah zakat yang telah dibincangkan oleh sarjana Islam dengan berpandukan kepada hadis baginda Nabi Muhammad SAW adalah seperti berikut (Azman Ab Rahman et. el., 2017):

- i. Tanggungan peribadi merangkumi makanan, pakaian, tempat tinggal, pengangkutan/kenderaan untuk kegunaan sendiri, pendidikan, perubatan, utiliti dan komunikasi.
- ii. Tanggungan ahli keluarga merangkumi isteri, anak-anak dan hamba (tidak wujud di zaman ini). Tidak termasuk kedua ibu bapa kerana berdasarkan kefahaman terhadap hadis Nabi Muhammad SAW yang menyatakan memberi dan memenuhi keperluan ibu bapa adalah termasuk di dalam kategori berbuat baik kepada kedua ibu bapa.
- iii. Perkara-perkara mendatang merangkumi hutang disebabkan jaminan atau menyelesaikan masalah serta musibah yang menimpa serta memerlukan kepada belanja yang banyak seperti kemusnahan harta benda atau sebab-sebab kesihatan.

Berdasarkan kepada laporan tahunan 2016 Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) telah menggariskan bahawa RM970 sebagai PGK bagi isi rumah di kawasan bandar Semenanjung Malaysia dan RM830 untuk Kawasan kampung. PGK tersebut adalah untuk isi

rumah seramai empat orang sahaja. Jika berdasarkan kepada status pelepasan percukaian yang telah digariskan oleh pihak LHDN, seseorang individu dapat mengetahui status kelayakan dan jumlah cukai yang perlu dibayar melalui maklumat yang diberikan di atas talian secara tepat. Dalam konteks zakat pendapatan, terdapat dua syarat yang perlu dipenuhi oleh individu pembayar iaitu mesti cukup haul (tempoh masa/ tahun) dan nisab (kadar).

Haddul kifayah bagi pembayar zakat di negeri Kedah adalah berdasarkan **Jadual 1** di bawah:

**Jadual 1: Haddul Kifayah Zakat Pendapatan di Negeri Kedah**

|                |                 |
|----------------|-----------------|
| Diri Sendiri   | RM9,000         |
| Belanja Isteri | RM3,000 seorang |
| Anak           | RM1,000 seorang |
| <b>Jumlah</b>  | <b>RM13,000</b> |

Sumber: Laman Web Lembaga Zakat Negeri Kedah

Bagi individu pembayar zakat yang memiliki pendapatan melebihi haddul kifayah asnaf, kelayakan untuk membayar zakat pendapatan perlu dibandingkan dengan jumlah nisab tahunan zakat semasa di Kedah iaitu RM15,125.75 (Harga semasa RM177.95 x 85g emas pada tahun 2019). Melalui perbandingan tersebut, tidak semua individu layak membayar zakat pendapatan sekiranya pendapatan bersih selepas tolakan perbelanjaan keperluan diri dan tanggungan adalah lebih kecil daripada nisab zakat tahunan. Kumpulan ini dikategorikan sebagai individu yang tidak layak membayar zakat pendapatan sebagaimana pendekatan yang sama digunapakai dalam amalan percukaian di Malaysia.

## ZAKAT PENDAPATAN

Zakat pendapatan berdasarkan majlis fatwa negeri Kedah adalah (Sumber laman sesawang LZNK):

*“Jawatankuasa fatwa telah mengkaji mengenai pembayaran zakat ke atas pendapatan gaji dan lain-lain sumber pendapatan yang diterima yang ada kaitan dengannya dan bersetuju memberi pandangan bahawa wang gaji, elaun, hadiah dan lain-lain pendapatan yang diberi oleh seseorang dari masa ke semasa hendaklah dengan bertaqlidkan Mazhab Hanafi disatukan dengan wang yang terkumpul dan hendaklah dizakatkan ketika genap haul yang bermula dari sejak cukup nisab, ini bermakna apa-apa pendapatan yang diperolehi pada pertengahan haul, hendaklah dizakatkan sekali pun belum genap haul bagi tiap-tiap satu pendapatan itu.”*

Zakat pendapatan dalam kertas kerja ini adalah merujuk kepada sumber pendapatan gaji dan upah yang diterima selepas melakukan sesuatu pekerjaan. Menurut al-‘Aydarus (2014) zakat pendapatan yang merujuk kepada gaji dan upah tergolong dalam pengertian zakat *mal al-mustafad* iaitu sesuatu jumlah yang diperolehi oleh seseorang dan memilikinya dengan pemilikan yang baharu ketika dalam haul melalui jalan yang tidak melanggar hukum syarak. Zakat *mal al-mustafad* adalah harta pendapatan yang diperolehi daripada kerja hakiki yang dilakukan oleh orang Islam seperti hasil harta-harta yang diperolehi para pekerja sebagai punca

pendapatan berbentuk gaji, upah kerja, ganjaran ahli professional seperti doktor, peguam, arkitek, jurutera, pakar runding dan pendapatan lain (Razali & Muhsin, 2017 & Fidlizan et. al., 2015).

Menurut al-Qaradawi (1991) menyatakan bahawa zakat pendapatan terhasil daripada satu bentuk usaha perdagangan, perniagaan atau ternakan melalui perseorangan atau syarikat, pendapatan melalui gaji atau upah sesuatu pekerjaan dan perkhidmatan yang dilakukan serta pendapatan berasaskan sesuatu keadaan seperti hadiah, warisan pusaka, subsidi atau terhasil dari pendapatan pindahan maka ia diklasifikasikan di bawah zakat pendapatan. Pandangan empat mazhab terkenal seperti Imam Malik, Imam Hanafi, Imam Syafie dan Imam Hanbali berpendapat bahawa zakat pendapatan wajib melalui haul setahun (Ibn Hazm, 1349H; Ahmad ibn Hanbal, 1981 dan al-Zuhayli, 1989).

Majoriti ahli fuqaha kontemporari di Malaysia bersetuju dengan pelaksanaan zakat pendapatan berdasarkan haul dan pengiraan zakat pendapatan tersebut dijumlahkan kesemua pendapatan dari pelbagai sumber dalam tempoh setahun dan ditolak dengan keperluan perbelanjaan asas yang lebih kurang sama dengan kadar perbelanjaan yang digunakan oleh LHDN (Razali & Muhsin, 2017).

Menurut Mahmood Zuhdi (2002) pendapatan seseorang individu adalah pelbagai, maka kefahaman dan kesedaran individu dalam mengenal pasti sumber dan nilai bayaran yang diperoleh bagi tujuan pengiraan jumlah zakat yang perlu dikeluarkan adalah sangat penting terutamanya dari sudut halal dan haram. Hal ini kerana, bagi memastikan setiap harta yang dimiliki tidak dicemari dan selari dengan kehendak syarak.

Kadar nisab bagi zakat pendapatan asasnya adalah sama seperti zakat emas seberat 85gram iaitu 20 mithqal atau 200 dirham. Pandangan al-Qaradawi (1991) untuk nisab zakat pendapatan adalah berasaskan nilai nisab emas dan tidak mengikut pusingan haul. Hal ini menunjukkan sedikit perbezaan dengan Muhammad Ghazali (2005) iaitu nisab zakat pendapatan adalah berasaskan kadar nisab zakat pertanian. Al-Qardawi (1991) telah memberikan dua langkah berkenaan dengan nisab iaitu:

- i. Nisab diambilkira bermula pada waktu seseorang itu mendapat gaji atau upah. Oleh itu, kewajipan bagi mengeluarkan zakat pendapatan bermula pada waktu yang sama jika nisab mencukupi ataupun melebihi kadar nisab yang ditetapkan.
- ii. Nisab ditentukan apabila individu itu mengumpulkan kesemua jumlah gaji atau upah pada waktu tertentu dengan mencukupi tempoh setahun sama dengan zakat pertanian. Namun kaedah ini tertakluk kepada pemerintah.

Terdapat dua kaedah bagi mengeluarkan zakat pendapatan di negeri Kedah iaitu:

- i. **Kaedah pertama:** 2.5% atas jumlah pendapatan kasar setahun. Contoh gaji RM7,500 sebulan x 12 bulan = RM90,000. Jumlah zakat pendapatan yang dikenakan adalah  $RM90,000 \times 2.5\%$  setahun = RM2,250 (RM187.50 sebulan).
- ii. **Kaedah kedua:** Pendapatan setahun ditolak dengan keperluan hidup (asas) setahun. Contoh gaji sebulan RM7,500 x 12 bulan = RM90,000. Kemudian jumlah tersebut ditolak dengan keperluan hidup [RM9,000 (diri sendiri), RM3,000 (isteri) RM1,000 (setiap orang anak)] = RM13,000. Jumlah gaji setahun RM90,000 - jumlah keperluan hidup RM13,000 = RM77,000. Kadar zakat yang dikenakan ialah  $RM77,000 \times 2.5\%$  setahun = RM1,925 (RM160.4 sebulan).

Berdasarkan Jadual 2 di bawah jumlah kutipan zakat pendapatan di negeri Kedah bermula pada tahun 2005 hingga 2018 menunjukkan peningkatan setiap tahun.

**Jadual 2: Jumlah Kutipan Zakat Pendapatan di Negeri Kedah (RM Juta)**

| Tahun | Jumlah Kutipan |
|-------|----------------|
| 2005  | 15.38          |
| 2006  | 16.22          |
| 2007  | 17.97          |
| 2008  | 25.99          |
| 2009  | 39.04          |
| 2010  | 44.60          |
| 2011  | 49.92          |
| 2012  | 60.07          |
| 2013  | 64.27          |
| 2014  | 78.02          |
| 2015  | 82.58          |
| 2016  | 86.61          |
| 2017  | 95.81          |
| 2018  | 110.19         |

Sumber: Berdasarkan Laporan Tahunan Lembaga Zakat Negeri Kedah dan Maklumat dari Pejabat Transformasi Zakat Kedah.

### **KESAN HADDUL KIFAYAH BAHARU DALAM ZAKAT PENDAPATAN**

Berdasarkan kepada kajian-kajian lepas yang telah dijalankan berkenaan dengan topik haddul kifayah zakat, terdapat ketidakseragaman kadar haddul kifayah di setiap negeri. Hal ini menyebabkan jumlah bayaran zakat pendapatan oleh individu dengan pendapatan dan perbelanjaan yang sama adalah berlainan terutamanya kumpulan yang berkelayakan membayar zakat, perbezaan jenis dan kadar haddul kifayah sebagai amaun pelepasan dalam perbelanjaan sara hidup menimbulkan isu yang perlu diteliti dengan lebih terperinci (Fidlizan Muhammad et. al., 2017).

Kadar haddul kifayah baharu dalam zakat pendapatan perlu dinilai semula terutamanya haddul kifayah isi rumah ditingkatkan bagi ketua isi rumah, pasangan dan anak berdasarkan keadaan ekonomi semasa. Malah kadar haddul kifayah baharu bagi kifayah tambahan dalam perbelanjaan di bawah tanggungan seperti wang perbelanjaan emak dan ayah, simpanan Tabung Haji, potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), makanan, tanggungan Orang Kelainan Upaya (OKU), tanggungan pesakit kronik, dan kos penjagaan anak di taska atau pusat asuhan. Hal ini kerana, dengan meningkatkan kadar haddul kifayah baharu bagi pembayar zakat pendapatan ia akan meringankan beban pembayar dan memberikan keadilan kepada pihak pembayar dan penerima zakat. Selain itu juga, pihak pembayar zakat akan lebih ikhlas dan redha dalam melunaskan zakat pendapatan kepada institusi zakat, malah mereka lebih berpuas hati kerana item tolakan yang diambil kira adalah lebih baik dan munasabah dengan keadaan ekonomi dan sosial semasa.

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

Secara kesimpulannya zakat pendapatan adalah sumber terbesar dalam kutipan zakat di negeri Kedah kerana boleh dikatakan saban tahun meningkat dan merupakan kutipan yang tinggi berbanding jenis zakat yang lain. Penelitian yang dibuat ke atas kadar haddul kifayah yang ditunjukkan dalam laman web LZNK di atas talian terdapat kadar haddul kifayah yang hanya mengambil kira jumlah belanja diri sendiri, isteri dan anak iaitu sebanyak RM13,000 sehingga kini. Maka dicadangkan agar kadar item tolakan dan nilai haddul kifayah baharu dalam zakat pendapatan terutamanya perlu dikaji dan dinilai semula agar dapat memberi keadilan kepada pembayar zakat berdasarkan keadaan ekonomi semasa dan seterusnya mencegah mereka dari mengelak membayar zakat kepada Institusi zakat. Antara perkara yang perlu dinilai dan dikaji adalah jenis dan had tolakan perbelanjaan keluarga seperti perbelanjaan asas (makanan, pakaian, tempat tinggal, pendidikan, pengangkutan, perubatan), kategori isteri berkejaya, kategori anak mengikut umur dan pendidikan, tanggungan yang OKU, tanggungan pesakit kronik dan asuhan anak di taska atau rumah pengasuh. Penetapan haddul kifayah zakat adalah perkara yang berbentuk ijtihadi dan menjadi tanggungjawab pemerintah dan pengurusan yang berkelayakan (LZNK) untuk memastikan kadar yang sesuai dengan keadaan masa, ekonomi dan sosial yang sentiasa berubah-ubah. Diharapkan dengan pengenalan kadar haddul kifayah baharu ini dapat memantapkan lagi pengurusan kutipan dan agihan zakat serta dapat menaikkan syiar Islam ke tahap yang lebih tinggi lagi sesuai dengan kehendak syarak.

## PENGHARGAAN

Sebagai penghargaan, penyelidik ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC), Universiti Utara Malaysia (UUM), pihak Institut Penyelidikan Zakat dan Inovasi (IPIZ UUM), dan juga agensi luar Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) atas pembiayaan kajian ini melalui Skim Geran Agensi Luar Awam (Fasa 1/2018/Kod S/O 14241) yang telah diluluskan.

## RUJUKAN

Al-Quran.

Ahmad Ibn Hanbal. (1981). *Masa'il al-Imam Ahmad: Riwayat Ibnuhu 'Abdullah bin Ahmad*. Beirut: al-Maktabah al-Islami.

Al-'Aydarus, Zayn Muhammad Hussayn. (2014). *Al-Khulasah fi Fiqh al-Mu'amalat wa yalihi al-Khulasah fi Fiqh Zakah: Dirasah Fiqhiyyah Muqaranah*. Tarim: Maktabah Tarim al-Hadithah.

Azman Ab Rahman, Tengku Mansur Tengku Zainal Abidin & Zulhilmi Mohamed Nor. (2017). Penentuan Had Kifayah Zakat Berdasarkan Maqasid Syariah. *Jurnal Sains Insani* 2017, Vol. 2 No. 1: 48-53.

Al-Fanjari, Muhammad Shauqi. (2010). *Al-Islam wa al-Tawazun al-Iqtisadi baina al-Afrad wa al-Dual*. Jil 1. Wazarat al-Auqaf.

Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Salwa Amirah Awang & Mohd Yahya Mohd Hussin. (2017). *Status Kelayakan Membayar Zakat Pendapatan Berdasarkan Had Kifayah Perbelanjaan*. Dalam Zahari Mahad Musa, Azman Ab Rahman & Adibah Abdul Wahab. *Memperkasa Kutipan dan Agihan Zakat di Malaysia*. Bandar Baru Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).



- Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Mohd Yahya Mohd Hussin & Noor Hamizah Saidin. (2015). *Analisis Kepatuhan Menghitung Zakat Berdasarkan Sumber Pendapatan*. Dalam Nor Aini Ali, Azizi Che Seman & Mohammad Taquiuddin Mohamad. *Isu Kotemporari Pengurusan dan Pembayaran Zakat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.
- Ibn Hazm. (1349H). *Al-Muhalla*. Mesir: al-Taba'ah al-Muniriyyah.
- Ibn Manzur, Jamaluddin Muhammad Ibn Mukram. (1992). *Lisan al-Arab*. Ed. Ke-2. Beirut: Dar Ehya' al-Turath al-Arabi.
- Mahmood Zuhdi Abd Majid. (2002). *Peranan Zakat dalam Pembangunan Ummah*. Dalam, Nik Mustapha Nik Hassan (Ed.). *Ekonomi Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Al-Mawardi, 'Ali bin Muhammad bin Muhammad al-Basri. (t.t). *Al-Ahkam al-Sultaniyyah*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Muhammad Zakariyya Khandhalawi. (2016). *Terjemahan Kitab Fadilat Sedekah*. (Penterjemah: Muhammad Razif Abd Wahab). Kuala Lumpur: Maktabah Ilmiah Sdn Bhd.
- Muhammad Ghazali. (2005). *Al-Islam wa al-Awda' al-Iqtisadiyyah*. Kaherah: Nahdah al-Misr. Perlembagaan Persekutuan. (2006). Percetakan Nasional Berhad.
- Al-Qaradawi, Y. (1991). *Fiqh Zakat*. Jilid 2. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Razali Md Jani & Muhsin Nor Paizin (2017). *Zakat Pendapatan Konsep Hawaij Asliyyah Mendasari Perbelanjaan Isi Rumah*. Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat (PPZ).
- Al-Zuhayli, Wahbah. (1989). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Diakses pada 10 Jun 2019 dari <http://www.zakatkedah.com>
- Diakses pada 10 Jun 2019 dari <https://jom.zakatkedah.com.my/kirazakat/tabkirazakat.php?op=1&ibx=00&kaedah=B>